

Telephone : Brunei Student Unit
020 – 7402 0045
Brunei Hall
020 – 7402 0953
Website : www.upp.org.uk
E-mail : enquiries@upp.org.uk



اونيت فنونتوت-فنونتوت بروني
سوروهنجاي تيغكي نكارا بروني دارالسلام
BRUNEI STUDENTS UNIT
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM
35 – 43 NORFOLK SQUARE
LONDON W2 1RX
UNITED KINGDOM

SURAT PEMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT BILANGAN 01/2023

Kepada: Semua Penerima Biasiswa Kerajaan dan Penerima Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan

MEMUATNAIK KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SEMESTER / PENGGAL 1 SESI PENGAJIAN 2022/2023 DAN ACADEMIC PROGRESS REPORT

Sukacita menarik perhatian semua penuntut-penuntut berhubung perkara tersebut di atas.

2. Selaras dengan fungsi utama Unit Penuntut-Penuntut untuk memastikan kemajuan akademik dan kesejahteraan semua penuntut di seluruh United Kingdom dan Republik Ireland terutama sekali kepada semua penerima Biasiswa kerajaan (MOE, MFA, YAYASAN & MORA) dan penerima Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan untuk **memuatnaik keputusan peperiksaan semester / penggal pertama sesi pengajian 2022/2023 dan Academic Progress Report** (link) yang perlu dilengkapkan oleh *Personal Tutor / Academic Tutor* melalui UPP *online portal* masing-masing bermula **15 Februari 2023 hingga 15 Mac 2023**.
3. Bagi mana-mana kursus yang **tidak mempunyai peperiksaan bertulis** hendaklah juga menghadapkan *Academic Progress Report* yang telah dilengkapkan oleh *Personal Tutor / Academic Advisor* masing-masing mengikut tarikh yang ditetapkan di atas.
4. Sekiranya *Personal Tutor/Academic Advisor* **tidak memberikan kerjasama untuk melengkapkan Academic Progress Report**, penuntut hendaklah memaklumkan melalui emel ke ac@upp.org.uk dengan memberikan nama penuh *Personal Tutor*, jawatan dan alamat emel.
5. Sayugia jua diingatkan kepada setiap penuntut yang mempunyai sebarang masalah akademik mahupun kesejahteraan supaya akan **terus menghubungi mana-mana pegawai Unit Penuntut-Penuntut dan tidak membiarkan sehingga masalah menjadi lebih serius** yang mana boleh menjejaskan prestasi akademik terutama apabila menjelang peperiksaan akhir tahun.
6. Sila ambil perhatian bahawa Unit Penuntut-Penuntut di London sedia membantu dalam apa jua cara yang kita boleh, sama ada secara akademik atau peribadi.
7. Akhirnya, di doakan semoga semua penuntut-penuntut Brunei Darussalam di seluruh United Kingdom dan Republik Ireland akan berjaya menimba ilmu dan sentiasa berada di dalam keadaan sejahtera.

Sekian. Wassalam.

"Mengukuhkan Socio-Ekonomi Negara, Tanggungjawab Bersama"

Mohammad Danny bin Aimi
Pengarah Pengajian
Unit Penuntut-Penuntut, London

Rujukan: BSU/E/5 Part XV
Tarikh: 20 Jamadilakhir 1444H / 13 Januari 2023